



KENYATAAN MEDIA

KERJASAMA PERKESO DENGAN SPRM BERTERUSAN DEMI MEMBANTERAS PENYELEWENGAN DANA KERAJAAN

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan terus bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mengenal pasti pihak yang terlibat dalam kes **tuntutan palsu Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya)** melalui **Ops Hire 2.0**.

Tangkapan yang dibuat oleh SPRM pada Isnin, 15 Mei 2023 merupakan kesinambungan daripada kerjasama strategik di antara PERKESO dan SPRM untuk menangani pemalsuan tuntutan PenjanaKerjaya dalam **Ops Hire**, yang dijalankan pada bulan Julai 2022. Ini merupakan usaha yang berterusan untuk mengesan pihak yang tidak bertanggungjawab dan PERKESO difahamkan banyak lagi tangkapan yang akan dibuat dalam masa terdekat ini.

PERKESO yang melaksanakan pemantauan, penganalisan data dan risikan berterusan telah mendapati ada majikan yang mengemukakan tuntutan palsu insentif PenjanaKerjaya. Hasil daripada pemantauan dan risikan ini, senarai individu dan syarikat yang dikenal pasti diserahkan kepada SPRM untuk tindakan penguatkuasaan.

Tindakan penguatkuasaan dalam Ops Hire 2.0 adalah lebih luas meliputi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, berbanding Ops Hire yang dilaksanakan sebelum ini yang hanya bertumpu di Semenanjung.

Ops Hire dan Ops Hire 2.0 yang dilaksanakan secara bersepadu antara PERKESO dan SPRM, bermatlamat membanteras penyelewengan dana Kerajaan. Sehingga kini, Ops Hire telah menyelamatkan **lebih daripada RM500 juta** dana insentif PenjanaKerjaya daripada disalah guna oleh majikan.

Selain penguatkuasaan, PERKESO juga telah mengukuhkan lagi sistem dalaman, proses dan tadbir urus serta mengetatkan kawalan prosedur sedia ada untuk memastikan hanya pihak yang layak mendapat insentif tersebut. PERKESO juga mengambil tindakan penggantungan bayaran setelah disyaki tuntutan palsu, berdasarkan penganalisan data dan pemantauan. Tuntutan sivil terhadap pihak terbabit juga dilaksanakan untuk mendapatkan semula dana yang disalah gunakan.

PERKESO menasihatkan majikan dan penyedia latihan yang telah membuat tuntutan palsu PenjanaKerjaya supaya menyerahkan semula bantuan insentif tersebut kepada PERKESO dengan segera kerana tindakan penguatkuasaan SPRM dalam Ops Hire 2.0 masih berterusan.

Kerjasama PERKESO dengan pihak SPRM dalam membanteras penyelewengan dana insentif Kerajaan telahpun bermula sejak Program Subsidi Upah (PSU) dan Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) diperkenalkan dalam tahun 2020 lagi.

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN AZIZ MOHAMMED

KETUA EKSEKUTIF

16 MEI 2023